

## ZAKAT DALAM MAZHAB SHAFI'I: ANALISIS KAEDAH ISTINBAT HUKUM

*Zakat In Mazhab Shafi 'I: Method Analysis "Istinbat Hukum"*

**Ahmad Zakirullah bin Mohamed Shaarani<sup>1\*</sup>**

**Ridzwan Ahmad<sup>2</sup>**

**Azman Mohd Noor<sup>3</sup>**

**Fidlizan Mohammad<sup>4</sup>**

<sup>1,4</sup> *Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim Perak*

<sup>2</sup> *Jabatan Fiqh and Usul al-Fiqh, Academi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur*

<sup>3</sup> *IUM Institute of Islamic Banking and Finance, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak Selangor*

\*Corresponding author (Email: [zakirullah@fpe.upsi.edu.my](mailto:zakirullah@fpe.upsi.edu.my))

Diterima: 27 August 2019, Diproses: 13 October 2019, Diterbitkan: 1 March 2020

**Abstrak:** Zakat adalah salah satu dari rukun Islam terpenting terutama yang berkaitan dengan Muamalat, dengan tujuan untuk menyucikan hati dan harta. Dalam membincangkan hukum-hukum berkaitan zakat, banyak isu-isu berkaitan zakat yang timbul yang memerlukan kefahaman mendalam berkaitan tentang metodologi hukum Syariah dalam mengeluarkan hukum yang tuntas. Melihat kepada keadaan semasa, nampak seolah bahawa penekanan utama dalam soal zakat ialah jumlah kutipan, disamping beberapa silap faham lain dalam beberapa prinsip hukum berkaitan zakat, tanpa mendalami metodologi hukum sepertimana yang dibincangkan oleh mazhab Shafi'i dan tanpa mengambil kira objektif utama/maqasid zakat. Menggunakan kajian kepustakaan sepenuhnya, kajian mendapati bahawa mazhab Shafie mempunyai beberapa perbezaan dan keistimewaan dalam bidang zakat, seperti adanya konsep khultah yang dijuarai oleh ulama mazhab Shafi'i dan konsep ini menjadi asas pengiraan bagi zakat perniagaan semasa bagi syarikat-syarikat dan perkongsian, begitu juga zakat sangat mengambil kira kesempurnaan syarat bagi harta berbanding kesempurnaan syarat wajib zakat ke atas individu, dan beberapa prinsip hukum lain yang berkaitan zakat yang menunjukkan keistimewaan metodologi hukum dalam mazhab ini dalam bidang zakat.

**Abstract:** *Zakat is one of the most important pillars of Islam, specifically pertaining to Muamalat, with the purpose of purifying heart and property. In discussing laws related to zakat, many current issues pertaining to zakat arise which require a thorough understanding of the Shariah rules in deriving the accurate laws. Looking at the current situation, it seems that the main concern in the zakat is the amount of collection, as well as other misunderstanding in some of the principle of zakat without properly adhering to the methodology of law deliberated by the Shafi'i's madhhab and without considering the real purpose (Maqasid) of zakat. Using the full library study, the findings show that the Shafi'i madhhab has some distinction and specialty in the zakat fields, such as the concept of khultah which is spearheaded by Shafi'i scholars and this concept has become the basis of the calculation of current business zakat for companies and partnership, as well as zakat is really much concern on the fulfilment of the asset's requirement rather than the fulfilment of*

*someone`s taklif/obligation requirement, and other principles related to zakat that underline the specialty of the rule of Law of the madhhab in the field of zakat.*

**Keywords:** Zakat, muamalat, Istinbat, khultah, Ta‘abudi.

## PENDAHULUAN

*Ijtihad* adalah satu proses mengeluarkan hukum Syarak yang dilakukan oleh para ulama berdasarkan kaedah-kaedah yang diterima pakai dalam mengistinbat hukum (al-Syirazi, t.t: al-Ghazzali, 1996). Proses ini mempunyai kepentingan yang tersendiri terutamanya dalam bidang perundangan Islam dan ini jelas dapat dilihat yang mana melaluinya banyak isu-isu semasa yang berkaitan hukum Syarak dapat diselesaikan melalui proses ini. Menyedari bahawa pengeluaran hukum ataupun *ijtihad* ini adalah salah satu bidang terpenting dalam Islam maka semenjak dari zaman Rasulullah SAW lagi bidang ini telah menjadi keutamaan para sahabat RA dan melalui didikan dan tunjuk ajar dari Baginda SAW sebagai pendidik dalam segenap aspek termasuk dalam soal pengeluaran hukum, para sahabat RA mempelajari, memahami, menganalisis dan seterusnya mengaplikasikan pengetahuan mereka tentang cara mengistinbat hukum Syarak dari sumbernya. Proses ini diteruskan pula oleh para sarjana Islam di zaman para Sahabat RA, al-Tabi‘in sehingga ke zaman kemunculan pengasas mazhab-mazhab utama dalam Islam yang mana mereka berijtihad sesuai dengan zaman mereka pula dengan dipandu oleh metodologi hukum yang tertentu, dan usaha mereka ini disambung pula oleh pengikut-pengikut mereka yang mana para pengikut mereka ini akan berijtihad berdasarkan kerangka metodologi hukum yang telah diasaskan oleh imam pengasas mazhab tadi. Melalui *ijtihad* berdasarkan metodologi yang sama ini maka sesuatu mazhab itu berkembang dan gagah menongkah arus masa (al-Nawawi, t.t: Ahmad Zakirullah, Ridzwan Ahmad, 2017 (b)).

### Kajian Lepas

Bagi penulisan berkaitan metodologi hukum dalam mazhab Shafi‘i dalam bab zakat sepertimana yang ingin dikupas ini, setakat pemerhatian pengkaji, tiada penulisan yang membincangkan secara khusus tentang metodologi pengeluaran hukum berkaitan zakat dalam mazhab Shafi‘i dan aplikasinya. Walaupun tajuk berkaitan zakat telah banyak disentuh oleh para pengkaji seperti kajian yang bertajuk “*Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syari’ah*” (Mohamad Sabri Haron, Riki Rahman, 2016) begitu juga tulisan yang bertajuk “*Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia*” (Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad Radiah Abdul Kade: 2010) dan lain-lain penulisan namun ianya banyak membincangkan tentang zakat sama ada dari segi aspek falsafah dan tujuan zakat, aspek berkaitan pelaksanaan dan pengoperasian kutipan, pengagihan dan sebagainya namun kebanyakannya adalah bersifat kajian umum yang tidak mengkhususkan perbincangan metodologi hukum dalam mazhab Shafi‘i. Begitu juga sekalipun wujud penulisan-penulisan yang khusus berkaitan zakat dalam mazhab Shafi‘i seperti “*Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia : Sorotan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dari Tahun 2000-2010*” (Luqman Haji Abdullah , Paizah Hj Ismail , Muhammad Ikhlas Rosele, Syed Mohd

Jeffri Syed Jaafar, Ummi Farahin Yassin , Mohd Anuar Ramli & Wan Zulkifli Wan Hassan: 2013) juga kajian yang bertajuk “*Pengaruh Mazhab Shafi’i Dalam Fatwa Zakat di Terengganu*” (Wan Zulkifli Wan Hassan, 2014), kajian-kajian ini lebih kepada kajian berkaitan sejarah, analisis fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan dan sebagainya, tetapi tidak menerangkan tentang mazhab Shafi’i sendiri dari sudut metodologi *istinbat* hukum berkaitan zakat.

### **Kaedah Hukum Berkaitan Zakat Dalam Mazhab Shafi’i.**

Dalam mazhab Shafi’i, terdapat beberapa kaedah dan garis panduan umum yang diguna pakai dalam proses *ijtihad* dan pengeluaran hukum termasuk yang berkaitan zakat, yang mana kaedah dan *dawabit* ini mendasari hukum-hukum cabang dalam mazhab, dan mana-mana pendapat yang tidak berdasarkan asas-asas ini maka ianya terkeluar dari lingkungan pendapat mazhab, dan bukan sebahagian darinya.

### **Zakat Adalah Tanggungjawab Berkaitan Harta.**

Kaedah ini adalah antara kaedah utama berkaitan zakat dalam mazhab Shafi’i (al-Zanjani :t.t) dan fokus utama kaedah ini ialah perbincangan tentang soal zakat yang mana ia adalah tuntutan dan tanggungjawab ke atas harta yang mempunyai dua unsur iaitu ibadah dan muamalat. Zakat adalah ibadah dari sudut ia adalah tuntutan Syarak secara khusus dan salah satu rukun Islam yang lima, juga dijanjikan pahala kepada mereka yang melaksanakannya dan dikenakan azab ke atas mereka yang sengaja meninggalkannya dan dihukumkan kafir ke atas sesiapa yang mengingkarinya. Begitu juga ia memerlukan niat dan tanpa niat maka sesuatu zakat itu tidak sah dan tidak dikira sebagai zakat dan ini semua adalah ciri-ciri ibadah (al-Nawawi, t.t: Dr Mustafa Khin, Dr Mustafa Bugho, ‘Ali Sharbaji, 2003). Dalam masa yang sama juga ia termasuk dalam kategori muamalat dari sudut ia adalah hak berkaitan harta dan muamalat/kewangan. Justeru berbanding dengan ibadat-ibadat lain yang bergantung kepada sempurnanya *taklif* Syarak ke atas seseorang mukalaf itu sebagai syarat utama pelaksanaan sesuatu kewajipan, oleh kerana zakat adalah ibadah yang berkaitan harta maka ia mengambil kira tentang kecukupan harta dari segi *nisab* dan *hawlnya* sahaja, walaupun pemiliknya mungkin belum sempurna syarat *taklif* Syarak. Menurut imam al-Shafi’i (2004), kewajipan zakat adalah sama seperti kewajipan-kewajipan lain yang berkaitan harta, dan ini berasaskan konsep *qiyas* yang mana beliau menqiyaskan wajibnya zakat ke atas harta kanak-kanak dan orang gila itu dengan diqiyaskan kepada wajibnya tanggungjawab berkaitan harta ke atas mereka, dan persamaan antara keduanya ialah ciri-ciri yang terdapat pada tanggungjawab harta yang mana ia juga terdapat pada zakat, lalu ciri-ciri persamaan ini menjadikan hukum keduanya adalah sama. Dalam perbincangan ilmu *Usul al-Fiqh*, *qiyas* yang berdasarkan persamaan dari segi ciri-ciri ini termasuk dalam *Qiyas al-Dalalah* (al-Shirazi, t.t: al-Ghazali,1997: Ahmad Zakirullah, Ridwan Ahmad: 2016) iaitu adanya ciri-ciri pada harta kanak-kanak yang meletakkan mereka dalam skop dipertanggungjawabkan kerana ada hak orang lain dalam harta tersebut, yang mana ciri-ciri yang sama juga wujud pada zakat (sebagai *furu`* kepada *qiyas* ini), justeru hukum keduanya adalah sama.

### **Zakat Adalah Sebahagian Dari Muamalat.**

Dalam memahami zakat sebagai sebahagian dari bidang muamalat, zakat menekankan kewajipan ke atas harta apabila telah sempurna syarat dan rukun-rukunnya tanpa perlu bergantung semata-mata kepada sempurnanya syarat *taklif* ke atas pemilik harta tersebut. Sesiapa yang memiliki harta maka wajib ia mengeluarkan zakat dan tiada beza antara orang siuman, baligh, merdeka, dan antara orang gila, kanak-kanak, hamba dan mereka yang di bawah tanggungan. Juga ianya:

- boleh dilaksanakan sebelum masuknya waktu.
- tidak gugur kewajipannya dengan sebab kematian, sama seperti hutang.
- ibadah yang wajib dilaksanakan oleh orang lain (bagi harta yang dimiliki oleh kanak-kanak, orang gila, mereka yang di bawah tanggungan).
- apabila telah sempurna *hawl* dan ada kemampuan untuk membayar, jika harta zakat rosak/binasa maka tidak gugur kewajipan zakat.
- tidak wajib ke atas barang perhiasan/ barang kemas (yang dibuat dari emas dan perak) kerana ia adalah barang kegunaan.(al-Nawawi, t.t).

Berdasarkan ciri-ciri berkaitan zakat yang disebutkan di atas jelas wujudnya perbezaan ketara antara zakat dan ibadah-ibadah lain seperti solat, haji, puasa dan sebagainya terutama dari segi kesempurnaan *taklif* Syarak yang merupakan pra-syarat sesuatu ibadah itu, justeru ciri-ciri keistimewaan zakat berbanding ibadah lain ini lantas membawa kepada perbezaan dari segi hukum antara zakat dan ibadah lain. Justeru melihat kepada ciri-ciri yang terdapat pada zakat seperti yang sedang dibincangkan ini, sayugia bagi mereka yang ingin melakukan *qiyas*, maka *qiyas* dalam bab zakat perlu lebih cermat dan perlu lebih memahami sifat zakat berbanding dengan ibadah-ibadah yang lain. Ini kerana jika tidak difahami perbezaan antara keduanya maka ianya boleh membawa kepada *qiyas* yang tidak sama/*qiyas maal al-fariq* (al-Zarkasyi, 1428 Hijrah) kerana *furu'* diqiyaskan kepada *usul* yang berbeza dari segi sifat dan ciri-cirinya. Ini seperti adanya dakwaan yang mengatakan bahawa tidak wajib zakat perniagaan ke atas syarikat berasaskan persamaan bahawa oleh kerana tidak diwajibkan solat ke atas syarikat maka begitu juga sewajarnya tidak diwajibkan zakat ke atasnya (Tun Hamid, 2016).

### **Aplikasi Kaedah Berkaitan Zakat Dalam Mazhab Shafi'i.**

Berdasarkan apa yang telah dibincangkan tentang asas dan kaedah zakat dalam mazhab Shafi'i, banyak isu-isu semasa yang boleh dikupas dan diselesaikan menggunakan kaedah hukum dalam bab zakat dalam mazhab Shafi'i sebagaimana yang sedang dibincangkan ini. Antara isu dan *furu'* semasa berkaitan zakat yang boleh ditakhrijkan dari kaedah *istinbat* hukum berkaitan zakat dalam mazhab Shafi'i ini ialah:

#### ***Furu'* Semasa 1: Zakat Ke Atas Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ).**

Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) ialah syarikat awam yang ditubuhkan dengan prinsip bahawa tanggungan ahli-ahlinya adalah terhad kepada amaun tertentu sahaja sebagaimana akujanji ahli-ahli untuk menyumbang kepada aset syarikat sekiranya syarikat digulung.([https://www.ssm.com.my/bm/Pages/Legal\\_Framework/document/14.\\_Garispandua](https://www.ssm.com.my/bm/Pages/Legal_Framework/document/14._Garispandua)

n%20SBMJ.pdf). Isu Syariah yang ingin dikupas di sini ialah, adakah syarikat jenis ini perlu membayar zakat? Dalam membahaskan isu ini maka perlu dilihat ciri-ciri *SBMJ* dahulu sebelum boleh ditentukan hukumnya dari segi pelaksanaan kewajipan membayar zakat. Dari segi tujuan penubuhan syarikat sebegini, fokus utamanya bukan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan tetapi lebih kepada mempromosikan tujuan-tujuan tertentu sebagaimana yang terdapat dalam memorandum penubuhan (MoA) sesebuah syarikat *SBMJ* tersebut. Disebabkan ini maka ia tiada pemilik atau pemegang saham yang mengambil manfaat dari sesebuah *SBMJ* tersebut bahkan yang wujud hanyalah ahli yang diberi tanggungjawab untuk menentukan hala tuju syarikat sebagaimana yang telah digariskan dalam misi, visi dan tujuan penubuhannya. Juga jika berlaku penggulangan sesebuah syarikat *SBMJ* maka segala aset yang tinggal tidak akan diagihkan kepada ahli tetapi akan dipindahkan kepada syarikat lain yang mempunyai tujuan yang sama. Jika melihat kepada beberapa ciri yang disebutkan di atas, ia mempunyai persamaan dengan harta wakaf terutama *wakaf khusus* (Syarbini, t.t) iaitu dari sudut ianya tiada pemilik. Begitu juga ianya bertujuan untuk dimanfaatkan oleh penerima manfaat (*beneficiary*) dan bukan untuk kepentingan ahli, juga ia tidak akan kembali kepada ahli walaupun syarikat digulung. Namun tidak dinafikan bahawa di sana terdapat juga beberapa perbezaan antara *wakaf khusus* dan *SBMJ* antaranya adalah seperti semasa penubuhan sesebuah *SBMJ* itu ia tidak didaftarkan sebagai harta wakaf, sebaliknya ia didaftarkan sebagai sebuah syarikat, yang mana tanpa akad yang jelas (*sighah*) maka sesuatu harta itu tidak akan menjadi harta wakaf. Begitu juga harta syarikat boleh dijual beli jika ada keperluan perniagaan, dan ini juga bukan ciri harta wakaf (*mawquf*) kerana harta wakaf secara umumnya tidak boleh dijual beli, dihibah dan sebagainya sebagaimana yang difahami dalam perbincangan ulama tentang harta wakaf. Juga tidak wujud penerima manfaat wakaf (*mawquf 'alaih*) sedangkan wakaf mesti mempunyai penerima manfaat wakaf (*mawquf 'alaih*) dan sebagainya (Nawawi, t.t: Ibn Hajar, 1983).

Syarikat sebegini juga tertakluk kepada zakat kerana diqiyaskan kepada harta *wakaf khusus* dan bagi penulis, *qiyas* ini dikenali dengan *Qiyas Awla* iaitu *qiyas* yang mana '*illah* pada *furu'* lebih kuat menunjuk kepada hukum berbanding '*illah* yang wujud pada *al-asl* (Zarkasyi, 1428 Hijrah). Ini kerana, walaupun harta *wakaf khusus* dari segi pemiliknya adalah milik Allah SWT, namun oleh kerana ia boleh diambil manfaat oleh penerima manfaat (*beneficiary*) maka dari segi hukum menurut salah satu pendapat dalam mazhab Shafi'i bahawa ia juga tertakluk kepada kewajipan zakat (al-Nawawi, t.t). Perkara yang sama juga wujud dalam *SBMJ*, bahkan adalah lebih patut lagi /*Qiyas Awla* bahawa ia dikenakan zakat kerana berbanding dengan harta *wakaf*, harta syarikat boleh dijual beli, disewa, dihadiahkan, dilupuskan dan sebagainya. Dengan kata lain jika harta *wakaf khusus* yang mana pemiliknya adalah Allah SWT sendiri dan ia tidak boleh dijual beli pun masih juga dikenakan zakat maka apatah lagi harta yang dimiliki oleh syarikat yang boleh dijual beli maka lebih-lebih lagi ia diwajibkan zakat. Ini dikuatkan lagi dengan kaedah zakat dalam mazhab Shafi'i yang sedang dibincangkan iaitu mazhab Shafi'i lebih mengambil kira hak harta berbanding hak individu, dan sempurnanya *taklif* dan pemilikan bukan syarat mutlak kewajipan zakat. Justeru berdasarkan kaedah zakat yang telah dibincangkan di atas, jelas bahawa syarikat sebegini walaupun tiada pemilik, namun berdasarkan kaedah-kaedah hukum dalam mazhab Shafi'i maka ia juga tertakluk kepada hukum zakat. Bahkan jika melihat kepada amalan semasa zakat, bagi syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan (*Government Link Company*)

sekalipun, walaupun dari segi kaedah asalnya ia dikecualikan dari zakat kerana ia dikira tiada pemilik atau dimiliki oleh pemilik yang dikecualikan dari zakat iaitu kerajaan (al-Qardawi, 2001) namun jika sesebuah syarikat milik kerajaan itu tidak menyalurkan keuntungannya kembali kepada kerajaan, bahkan keuntungannya akan dimasukkan semula ke dalam akaun syarikat untuk dikembangkan lagi (*business expansion*) maka ia juga tetap dikenakan zakat. Ini kerana sudah hilang sifat harta awam itu, bahkan sudah menjadi seperti harta swasta, maka selayaknya ia dikenakan zakat (Dr Rafik Yunus al-Misri, Dr Sa'id Bouheraoua, *Zakat Obligation on Islamic Financial Institutions*, ISRA Research paper (no.34/2012): <http://teganukita.blogspot.com/2012/05/semua-anak-syarikat-kerajaan-wajib.html>).

### **Furu' Semasa 2 : Zakat Ke Atas Hutang/Sukuk Jangka Panjang Yang Diperdagangkan.**

Antara instrumen utama yang didagangkan di Pasaran Modal/Wang Islam ialah produk-produk yang berasaskan hutang seperti *Islamic Tradable Certificate/Sijil Boleh Niaga* atau Sijil Terbitan Pelaburan Kerajaan (*GIC/GII*), Sijil Hutang Boleh Niaga Islam (*NIDC*), Kertas Komersil Islam (*ICP*) dan lain-lain instrumen yang berasaskan jual beli hutang. Melalui proses penssekuritan, pemilikan hutang ini akan dipecahkan kepada unit-unit kecil dan dijual kepada para pelabur bagi memenuhi keperluan mereka sama ada untuk tujuan pelaburan (*investment*), aset selamat (*safe haven asset*) yang boleh digunakan pada waktu krisis, sebagai cagaran (*security*) dan sebagainya. Bagi tujuan pelaburan, ianya akan diperdagangkan di pasaran sekunder (*secondary market*) dan sebagainya, dan lazimnya sijil-sijil hutang ini akan dijual secara diskaun (*discounting*). (<https://www.muamalat.com.my/business-banking/corporate-banking/trade-finance/bwcf.html>)

Isu yang ingin dibincangkan dalam soal *sukuk* di sini ialah hukum zakat ke atas *sukuk* dan instrumen yang diterbitkan melalui proses penssekuritan hutang ini. Berdasarkan pendapat yang kuat dalam mazhab Shafi'i, zakat dikenakan ke atas hutang (*receivable*) yang telah matang yang mampu diambil dan pembayarannya perlu disegerakan walaupun wang bayaran masih belum diterima. Bagi hutang yang belum matang pula, atau hutang yang dipertikaikan, atau harta-harta yang hilang dan sebagainya maka zakat perlu disempurnakan apabila telah matang atau mendapat semula bayaran (*qabd*) atau menemui semula harta yang hilang, di samping wajib menggantikan zakat bagi tahun-tahun sebelumnya (al-Nawawi, t.t: Qalyubi Wa Umairah, 1955). Dalam konteks zakat ke atas hutang ini, walaupun pandangan yang kuat dalam mazhab Shafi'i ialah, zakat hutang tidak wajib dibayar selagi mana ianya masih belum matang dan belum sampai tempoh (*due date*) namun bagi *sukuk* atau apa-apa instrumen yang berasaskan hutang, dari pandangan penulis hukumnya adalah berbeza. Ini kerana penssekuritan dan diperdagangkan di pasaran sekunder (*secondary market*) telah menjadikannya seperti hutang yang telah matang (*al-Dayn al-Hal*) walaupun sifat asalnya ia adalah hutang yang belum matang (*al-Dayn al-Mua'jjal*). Ia dikira seolah hutang yang telah matang kerana pemegang *sukuk/instrumen* boleh menukarkannya kepada tunai dengan cara menjual *sukuk* ini pada bila-bila masa iaitu dengan menjualkannya kepada pasaran terbuka (*open market*), justeru berdasarkan ini ia memenuhi ciri-ciri hutang yang sudah matang (*dayn al-hal*). Ini terpakai bagi instrumen-instrumen yang tidak tertakluk kepada sebarang sekatan. Justeru pemerdagangan *sukuk* di pasaran sekunder menjadikan 'illah kenapa dibenarkan melewati pembayaran zakat ke atas hutang sudah tidak lagi wujud disebabkan adanya

kemampuan *tasarruf* melalui penjualan hutang di *pasaran sekunder* dan melalui penjualan ini, pemilik hutang/pemiutang sudah mendapat wangnya semula. Berdasarkan ini, zakat wajib ditunaikan dari *sukuk* sekalipun ianya masih belum matang. Ini juga adalah salah satu pendapat dalam mazhab Shafi'i (al-Juwayni, 2007: al-Nawawi, t.t) dan ini juga dikuatkan dengan apa yang disebutkan oleh al-Qalyubi (1955) bahawa punca *khilaf* dalam mazhab ialah kerana ia (hutang belum matang) tidak boleh *ditasarruf* sebelum sampai masanya.

### **Furu' Semasa 3: Konsep *Khultah* Dalam Kutipan Zakat Semasa.**

Salah satu contoh aplikasi kaedah berkaitan zakat dalam mazhab Shafi'i ialah zakat *khultah*, iaitu zakat ke atas harta-harta yang bercampur yang dimiliki oleh beberapa pemilik yang tertakluk kepada hukum zakat dan yang juga telah mencapai *nisab* dan *hawl*. Berdasarkan kaedah yang sedang dibincangkan ini iaitu zakat lebih melihat kepada kecukupan harta berbanding hak dan kesempurnaan *taklif* individu maka zakat diwajibkan ke atas harta *khultah* sama ada ia adalah dari jenis binatang ternakan, mata wang dan sebagainya (al-Nawawi, t.t: Al-Rafi'i, 1997) yang mana sekalipun dari segi nisab individu, mungkin *nisabnya* masih belum cukup. Justeru harta yang dimiliki yang dihimpun bersama akan dikenakan zakat secara kolektif sebagaimana halnya zakat dikenakan ke atas harta yang dimiliki oleh seseorang individu yang telah mencapai *nisab* dan *hawl* (al-Shirazi, 1996: al-Syarbini, t.t). Melihat kepada pendapat dalam mazhab Shafi'i berkenaan dengan *khultah* dan apa yang wujud dalam sistem kewangan Islam moden, jelas bahawa wang yang berada di bank-bank, dana-dana pelaburan, instrumen kewangan seperti *sukuk*, produk-produk perbendaharaan (*treasury products*) dan sebagainya, ia termasuk dalam *khultah* kerana wujudnya percampuran harta antara pemilik-pemilikinya, di samping ianya diuruskan oleh satu pihak (al-Nawawi, t.t). Walaupun *khultah* wujud dalam akaun-akaun ini namun kurangnya perhatian dan wujud beberapa kekangan maka potensi kutipan *khultah* tidak dapat dicapai sebagaimana sepatutnya (Ahmad Zakirullah, Ridzwan Ahmad, 2017).

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, tajuk berkaitan *istinbat* hukum dalam mazhab Shafi'i dalam bab zakat adalah satu topik yang sangat penting, yang mana ia bukan sahaja dapat membantu para pengkaji tentang asas-asas zakat dalam mazhab Shafi'i dan bagaimana ia boleh diaplikasikan dalam penentuan hukum-hukum semasa berkaitan zakat, ia secara tidak langsung juga memberi gambaran bagaimana proses *istinbat* hukum dilaksanakan, dan bagaimana usaha dan jasa para sarjana silam dalam membina metodologi hukum yang sangat mantap yang didasari oleh asas-asas yang kukuh, dan tanpa usaha mereka maka perbendaharaan hukum-hukum Islam akan tenggelam dan tidak akan mampu mendepani isu-isu Syariah semasa yang wujud pada hari ini.

## **RUJUKAN**

Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani, Ridzwan Ahmad, (2017) "*Aplikasi Konsep Khultah Dalam Pengiraan Zakat di Malaysia: Analisis Isu, Cabaran dan Penyelesaiannya*", Jurnal Syariah, 2017, Universiti Malaya, Malaysia.

- Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani, Ridzwan Ahmad. (2016). “*Qiyas al-Shabah dan Aplikasinya Dalam Sistem Kewangan Islam*”, JMFIR vol. 13/no.1 Jun 2016.
- Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1997). *al-Mustasfa min al-‘Ilm al-Usul*, (Bayrut: Mua’assasat al-Risalah.
- Al-Juwayni, ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allah. (2007). *Nihayat al-Matlab fi Dirayah al-Madhab*, ed. Dr ‘Abd al-‘Azim Mahmud Dayyib, (t.tp: Dar al-Minhaj li al-Nasyr wa al-Tawzi’, 4:169, 196.
- Al-Nawawi, Abi Zakariya Muhy al-Din Yahya bin Sharaf, (t.t). *al-Majmu‘ Sharh al-Muhadhdhab*, (Jeddah: Maktabah Irshad), 5:506-507.
- Al-Qalyubi wa al-‘Umairah, Shihab al-Din Ahmad bin Ahmad al-Qalyubi, Shihab al-Din Ahmad al-Barlasi al-‘Umairah. (1955) *Hasyiyah al-Qalyubi wa ‘Umairah ‘ala Sharh al-Mahalli ‘ala Minhaj al-Talibin* (al-Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halaba), 2: 40.
- Al-Rafi‘i, ‘Abd al-Karim bin Muhamad. (1997) *al-‘Aziz Sharh al-Wajiz*, ed. ‘Ali bin Muhammad Mu‘awwad, ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Mawjud, (Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah), 5:441.
- Al-Shafi‘i, Muhammad bin Idris, (2001) *al-Umm*, ed. Dr Rifa‘at Fawzi ‘Abd al-Mutallib (Mansurah: Dar al-Wafa’, cetakan pertama), 2:55.
- Al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib, (t.t). *Mughni al-Muhtaj ila Ma‘rifati Ma‘ani Alfaz al-Minhaj*, ed. Taha ‘Abd al-Ra‘uf Sa‘ad, ‘Imad Zaki al-Barudiy, Muhammad ‘Izat (al-Qahirah: Maktabah Tawfiqiyyah, t.t), 2: 135-136.
- Al-Shirazi, Ibrahim bin ‘Ali. (1996). *al-Muhaddhab*, ed. Dr Muhammad Zuhaili, (Damsyiq: Dar al-Qalam), 2:458, 538, 560.
- Al-Shirazi, Muhammad bin Ibrahim. (t.t). *al-Luma‘ fi al-Usul al-Fiqh*, (Surabaya: Syarikat Bungkul Indah, t.t), 53, 303.
- Al-Zanjani, Shihab al-Din Mahmud bin Ahmad. (t.t). *Takhrij al-Furu‘ ‘ala al-Usul*, ed. Dr Adib Salih. (Bayrut: Mu’assasah al-Risalah, t.t), 110.
- Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin Bahadir. (1997). *al-Bahr al-Muhit fi al-Usul al-Fiqh*, (Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cetakan ke 2) 7: 326.
- Dr Mustafa Khin, Dr Mustafa Bugho, ‘Ali Sharbaji. (2003). *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madhab al-Imam al-Shafi‘i*, (Dimashq: Dar al-Qalam) 2: 276, 318, 324.
- Dr Sa‘id Bouheraoua, *Zakat Obligation on Islamic Financial Institutions*, ISRA Research paper (no.34/2012).
- Dr Yusuf al-Qaradawi. (2001). *Fiqh al-Zakat*, (Qaherah: Mu’assasah al-Risalah, 2001), 1:141.
- Luqman Haji Abdullah , Paizah Hj Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele , Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, Ummi Farahin Yassin , Mohd Anuar Ramli & Wan Zulkifli Wan Hassan. (2013). “*Kedudukan Mazhab Syafi‘i dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia : Sorotan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dari Tahun 2000-2010*”. Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi‘i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei.



- Mohamad Sabri Haron, Riki Rahman (2016). “*Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syari’ah*”, Labuan e-Journal of Muamalat and Society, Vol. 10, 2016, pp. 129-140.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad Radiah Abdul Kade. (2010). “*Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia*”. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol. 4, No. 1, 2010.
- Wan Zulkifli Wan Hassan. (2014). “*Pengaruh Mazhab Shafi’i Dalam Fatwa Zakat di Terengganu*”. Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam 36 (2). pp. 67-79. ISSN 0216-5636.
- Dicapai pada 11 November 2016, Investopedia, “*Secondary Market*”, <http://www.investopedia.com/terms/s/secondarymarket.asp>.
- Dicapai pada 11 November 2016, “*Bay Dayn*”, <https://www.muamalat.com.my/business-banking/corporate-banking/trade-finance/bwcf.html>.
- Dicapai pada 31 Julai 2019, “*Garis Panduan Syarikat Berhad Menurut Jaminan*” (pindaan pada 7 Januari 2011). ([https://www.ssm.com.my/bm/Pages/Legal\\_Framework/document/14.\\_GarisPanduan%20SBMJ.pdf](https://www.ssm.com.my/bm/Pages/Legal_Framework/document/14._GarisPanduan%20SBMJ.pdf)).
- Dicapai pada 10 Ogos 2016, Tun Abdul Hamid Mohamad, “*Obligation of Companies to Pay Zakat: Summary of My Findings and My Views*”. [www.tunabdulhamid.my/.../681\\_c14f234a561875c53e6c6ac8eece04ec](http://www.tunabdulhamid.my/.../681_c14f234a561875c53e6c6ac8eece04ec).